



## PUSAT PENGURUSAN BENCANA *NERVE CENTRE* (PPBNC) USM KAMPUS INDUK

### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) KAMPUS INDUK

Selaras dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) Universiti Sains Malaysia (USM) dan situasi semasa dalam kampus, warga kampus diminta agar mematuhi beberapa SOP yang telah ditetapkan;

#### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DALAM KAMPUS INDUK

1. Pemakaian pelitup muka di dalam kampus adalah **WAJIB** bagi mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19. Antara kawasan yang diwajibkan adalah;
  - i. Dewan kuliah/makmal/pejabat/kawasan tertutup
  - ii. Fasiliti kesihatan USM - Pusat Sejahtera
  - iii. Pengangkutan awam dalam kampus
  - iv. Kawasan tumpuan ramai/sesak
2. Pelajar yang pulang ke kampung **WAJIB** melakukan ujian saringan kendiri COVID-19 sebelum kembali semula ke kampus. Pelajar positif COVID-19 tidak dibenarkan kembali ke kampus sehingga tamat tempoh kuarantin. Sekiranya pelajar didapati bergejala namun ujian kendiri menunjukkan keputusan negatif, wajib memakai pelitup muka dan perlu ke Pusat Sejahtera bagi pemeriksaan lanjut.

#### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) MENJALANKAN PROGRAM

1. Pemakaian pelitup muka sepanjang program berlangsung adalah **WAJIB** bagi mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19.
2. Pihak penganjur bertanggungjawab memastikan tetamu/individu yang hadir bukan kes positif COVID-19, kontak rapat kepada kes positif dan tidak bergejala.
3. Sebarang kehadiran tetamu/individu yang sedang dalam Perintah Kuarantin, *Person Under Investigation* (PUI), dan *Person Under Surveillance* (PUS) atau bergejala adalah tidak dibenarkan.

4. Sekiranya berlaku kes COVID-19 sebelum/selepas program, pihak penganjur perlu maklumkan kepada Pusat Pengurusan Bencana *Nerve Centre* (PPBNC) dengan kadar segera.
5. Pihak penganjur bertanggungjawab sepenuhnya ke atas proses sanitasi ruang yang digunakan selepas tamat program.

Dimaklumkan bahawa pemakluman kes dan pemindahan pelajar yang dijangkiti COVID-19 dihadkan sehingga jam 9.30 malam sahaja. Kerjasama dari warga kampus dalam membantu membendung penularan COVID-19 amat dihargai. Sebarang maklum balas, Pusat Pengurusan Bencana *Nerve Centre* boleh dihubungi di talian 04-6532267/6124.

**PROFESOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Bencana *Nerve Centre*

*Penafian: Pihak Pusat Pengurusan Bencana Nerve Centre Kampus Induk berhak untuk menasihati pihak Pengurusan Kampus supaya menarik balik kebenaran/kemudahan aktiviti yang dinyatakan di dalam SOP ini sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan atau penularan kes di dalam kampus. Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa*